

1. Gambar di bawah berkaitan dengan perkuatian negara.



BM | EN

Perkhidmatan • Bantuan • Soalan Lazim • Hubungi Kami

## e-FILING

Mudah • Tepat • Selamat

- 1 LOGIN KALI PERTAMA
- 2 Gunakan No. Pin untuk Daftar Sifit Digital
- 3 LOGIN ezHASIL
- 4 PILIH BORANG DAN ISI MAKLUMAT
- 5 TANDATANGAN SECARA DIGITAL DAN HANTAR
- 6 PENGESAHAN PENERIMAAN



## PENGUMUMAN

### FRASA KESELAMATAN

Mulai 27 Februari 2017, LHDNM akan meningkatkan keselamatan laman sesawang ezHASIL dengan memperkenalkan frasa keselamatan.

Frasa keselamatan adalah bertujuan untuk memastikan pembayar cukai log masuk ke laman sesawang ezHASIL yang betul. Pengguna perlu menetapkan frasa keselamatan semasa log masuk dan memastikan frasa keselamatan yang dipaparkan adalah betul sebelum memasukkan kata laluan.

Sila klik di [sini](#) untuk bantuan.

### Log Masuk

Sila masukkan No. Rujukan (No. Pengenalan) dan klik **Hantar**.

 NO. PENGENALAN

No. Kad Pengenalan Baru  
 No. Pasport  
 No. Tentera  
 No. Polis

**Semuta** **Hantar**

---

Login Kali Pertama  
Terlupa Kata Laluan

Perlukan bantuan?  
03-8911 1000 (LHDN) / +603-8911 1100 (Luar Negara)

## Gambar 1

- a. Saban tahun setiap rakyat Malaysia yang berpendapatan dan layak diwajibkan membayar cukai. Jelaskan nilai yang diamalkan oleh rakyat Malaysia terbabit.

i. ....

.....

.....

.....

.....

kan tujuan kerajaan mengenakan cukai [4 markah]

[4 markah]

- b. Nyatakan tujuan kerajaan mengenakan cukai

i. ....

.....

.....

[2 markah]

[2 markah]

c. Selain cukai pendapatan, berikan contoh cukai lain yang dikenakan kepada rakyat

i. ....

ii. ....

[2 markah]

d. Jelaskan tindakan kerajaan kepada rakyat yang enggan membayar cukai

i. ....

ii. ....

[2 markah]

2. Situasi di bawah menunjukkan konflik keluarga berhubung majlis perkahwinan.

Keluarga anda sedang berbincang tentang perkahwinan abang anda dengan gadis yang berlainan kaum. Bapa anda menyebelahi abang anda dan merestui hasrat mereka. Sebaliknya ibu anda menentang keras.

- a. Andaikan anda seorang anak yang peka dengan permasalahan ini, jelaskan alasan anda untuk meyakinkan semua pihak supaya tidak berlaku pertelingkahan yang berpanjangan?

i. ....

.....

ii. ....

.....

iii. ....

.....

[3 markah]

- b. Sekiranya anda sebagai ibu, jelaskan dua nilai yang perlu diamalkan agar permasalahan tidak akan berpanjangan.

i. ....

.....

ii. ....

.....

[4 markah]

- Ibu telah melahirkan dan menyusukan anak-anak
- Ibu bapa memberi didikan dan kasih sayang sejak kecil
- Ibu bapa menyediakan keperluan asas untuk anak-anak

c. Bagaimakah anda membala jasa kedua ibu bapa

- i. ....
- ii. ....
- iii. ....

[3 markah]

3. Gambar foto di bawah menunjukkan aktiviti ekopelancongan yang terdapat di Malaysia.



Santuari Gajah, Kuala Gandah, Pahang



Pulau Perhentian, Terengganu

**Gambar 2**

- a. Selain nilai dalam bidang perkembangan diri, jelaskan nilai yang boleh diterapkan dalam kalangan masyarakat bagi mengekalkan kawasan ekopelancongan di Malaysia.

i. ....

.....

.....

ii. ....

.....

.....

[ 4 markah]

- b. Mengapakah konsep ekopelancongan amat sesuai di Malaysia

i. ....

.....

.....

ii. ....

.....

5

[3 markah]

c. Nyatakan kawasan ekopelancongan berdasarkan gua yang popular di Malaysia

i. ....

ii. ....

[2 markah]

d. Apakah kesimpulan berdasarkan topik perbicangan di atas

.....

.....

[1 markah]

4. Gambar 1 menunjukkan perbuatan vandalisme yang dilakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab.



Mural gergasi potret pemimpin negara dicemari kegiatan vandalisme.

**Gambar 3**

- a) Perbuatan di atas mendorong kemarahan dalam kalangan masyarakat terutamanya apabila melibatkan mural potret pemimpin negara.

Mengapa perbuatan tersebut tidak wajar dilakukan?

Berikan tiga alasan.

i. ....

.....

ii. ....

.....

iii. ....

.....

[3 markah]

- b) Terangkan **dua** nilai yang patut diamalkan oleh setiap anggota masyarakat supaya perbuatan vandalisme dapat dikawal.

i. ....

.....

ii. ....

.....

- c) Sekiranya anda mempunyai rakan yang terjebak dalam aktiviti tersebut, jelaskan tindakan yang harus anda lakukan untuk menghalang perbuatan mereka.

.....

.....

.....

.....

[ 3 markah]

5. Petikan berikut berkaitan dengan dasar kerajaan terhadap golongan orang kurang upaya.

### KPM laksana 'Zero Reject Policy' untuk murid berkeperluan khas

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan akan melaksanakan Zero Reject Policy secara berperingkat bermula tahun 2019 bagi murid berkeperluan khas (MBK). Zero Reject Policy merupakan dasar sedia ada yang dimantapkan daripada segi pelaksanaannya bagi memastikan MBK menerima pendidikan yang selari dengan ketidakupayaan mereka sama ada ke sekolah sekolah arus perdana melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Inklusif atau ke Sekolah Pendidikan Khas.

Menurut Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Datuk Yasmin Hussain, semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan akan dilengkapi kemudahan mesra OKU secara berperingkat bermula dengan sekolah pendidikan khas dan program pendidikan khas integrasi, katanya lagi.

Sumber: astroawani.com 19 disember 2018

- a) Pada pendapat anda, mengapakah golongan kurang berupaya diberi pendidikan?

i. ....

.....

ii. ....

.....

iii. ....

.....

[3 markah]

- b) Terangkan dua nilai yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan terhadap golongan kurang berupaya?

i. ....

.....

ii. ....

.....

[4 markah]

Baru-baru ini Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berunding dengan beberapa syarikat insurans untuk membolehkan golongan kurang berupaya menerima perlindungan insurans.

- c) Anda seorang wakil insurans yang menyokong pemberian perlindungan insurans kepada golongan kurang berupaya.

Jelaskan kepentingan perlindungan insurans kepada golongan ini. Beri alasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

**10**

6. Petikan akhbar berikut tentang penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat.

### Rakyat perlu bijak gunakan kebebasan bersuara di media sosial

KUALA LUMPUR: Rakyat perlu bijak dalam menyuarakan pendapat terutamanya menerusi penggunaan media sosial walaupun Malaysia adalah sebuah negara demokrasi. Ini kerana, menurut Pensyarah Kanan, Politik dan Hubungan Antarabangsa, UUM, Profesor Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, menerusi platform media sosial orang ramai bebas mengemukakan pendapat mereka tanpa sekat dan ia boleh menimbulkan kekeliruan. "Pada masa sama, terdapat kerumitan dalam hak kebebasan bersuara terutamanya menggunakan media sosial yang agak bebas dan ia boleh mengelirukan rakyat," katanya ketika dihubungi Astro AWANI pada Rabu.

Sumber : astroawani.com 17 Jun 2020

- a) Rakyat sepatutnya mengamalkan nilai kebebasan bersuara seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Berikan maksud nilai kebebasan bersuara.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

- b) Terangkan **dua** cara yang perlu diamalkan oleh rakyat apabila menggunakan media massa.

i. ....

.....

ii. ....

.....

[4 markah]

- c) Bincangkan kesan jika media massa disalahgunakan.

.....  
.....  
.....

[ 2 markah]

- d) Akta Hasutan 1948 dan Pindaan 1970 melarang sesiapa sahaja daripada mempersoalkan perkara-perkara sensitif seperti hak, taraf, kedudukan, keistimewaan dan kedaulatan yang telah ditetapkan dalam perlembagaan

Pada pendapat anda, mengapakah Akta Hasutan perlu dikekalkan?

Jelaskan pendapat anda.

.....  
.....  
.....  
.....

[ 2 markah]

7. Petikan di bawah berkaitan isu melibatkan pekerja asing.

Sabtu 16 Mei - Dasar buruh asing menjadi pilihan kerajaan bagi mengatas isu tenaga kerja dalam sektor tertentu. Kerajaan Malaysia hanya membenarkan pekerja asing diupah dalam beberapa sektor pembuatan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan. Mereka dipanggil pekerja asing berdokumen. Pada masa sama, terdapat pekerja asing yang datang tanpa izin.

Sumber : *Berita Harian* 16 Mei 2020

a) Sekiranya anda seorang majikan, jelaskan faktor yang menyebabkan anda memilih pekerja asing?

i. ....

.....

ii. ....

.....

iii. ....

.....

[3 markah]

b) Berdasarkan petikan di atas, bagaimakah negara kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing?

i. ....

.....

ii. ....

.....

iii. ....

.....

[2 markah]

c) Lambakan pekerja asing di negara semakin membimbangkan.

Ramalkan kesan sekiranya perkara ini berlarutan

i. ....

.....

ii. ....

.....

iii. ....

.....


[3 markah]

d) Nyatakan agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan pekerja asing.

.....

[1 markah]

8. Dasar Wanita Negara telah diperkenalkan bagi memberi pengiktirafan kepada sumbangan wanita di Malaysia.



**Gambar 4**

- a. Jelaskan matlamat dasar ini ditubuhkan

i. ....

.....

ii. ....

.....

[2 markah]

- b. Huraikan dua cara kerajaan mengiktiraf sumbangan wanita dalam pembangunan negara

i. ....

.....

ii. ....

.....

[4 markah]

- c. Isu gangguan seksual ditempat kerja sering berlaku dalam kalangan pekerja wanita dan menjadi isu yang dipandang serius oleh semua pihak.  
Sebagai seorang majikan, bagaimanakah anda memastikan kebajikan pekerja wanita terbela?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

## Bahagian B:

[20 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

9. Gambar di bawah berkaitan dengan pembelajaran dalam talian.



## Gambar 5


Seiring dengan kemajuan teknologi, sistem pendidikan sudah mula beralih kepada pembelajaran secara atas talian. Keadaan ini banyak memberi impak kepada murid-murid sekolah bagi memastikan sesi pembelajaran yang berterusan.

Bersetujukah anda dengan pandangan ini? Jelaskan.

[10 markah]



10. Gambar di bawah ialah status penularan wabak di Malaysia.



## Gambar 6

Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat membantu kerajaan dalam usaha menangani penularan wabak di atas? Jawapan anda perlu disokong dengan nilai-nilai murni. [10 markah]



11. Petikan di bawah berkaitan dengan isu pelarian di luar negara.



NEW YORK, 3 Julai – Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) akan mengadakan mesyuarat tergempar esok bagi membincangkan tentang tentera rejim Syria disokong Russia ke atas sebuah kumpulan yang memaksa 300,000 penduduk Syria terpaksa melarikan diri untuk menyelamatkan diri, kata diplomat.

Sumber : AFP 13 Julai 2018

Bagaimakah Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu boleh membantu menyelesaikan masalah pelarian di atas?

Jawapan anda perlu disokong dengan nilai-nilai murni yang dipelajari.

[10 markah]

**SOALAN TAMAT**

**22**